Kamariah Kamarudin. Pengarang asal Terengganu ini berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Putra Malaysia

Profil penulis

Pengarang kreatif dipelawa menghantar cerpen dan puisi ke halaman Sanggar Sastera, Kembara, BH Ahad melalui e-mel bhsastera@bh.com.my. Sertakan biodata, nombor kad pengenalan, alamat lengkap, nombor telefon, gambar yang jelas berukuran 2 megabait menggunakan sistem JPEG, nombor akaun Maybank atau CIMB. Cerpen tidak boleh melebihi 1,600 perkataan. Karya yang tidak disertakan nombor akaun bank tidak akan dibayar.

DARI JURNAL KE JURNAL

RABIUL AWAL 1443

DIA masih terbelenggu dengan tuntutan kerja di hadapan komputer riba. Dia masih tertekan dengan arahan yang tidak pernah berhenti daripada pihak pengurusan tempatnya berkhidmat setelah sekian lama. Sampai bila dia harus terbelenggu dan tertekan sebegini rupa? Ini musim wabak corona. Ini musim Perintah Kawalan Pergerakan yang belum berakhir entah bila.

Cucu sulungnya, Rania sudah lama tidak ditatapnya. Cucu keduanya, Rafiq juga telah lama tidak ditemuinya. Dia asyik memikirkan bagaimana artikelnya akan menembusi jurnal SCOPUS, dan JCR yang disyaratkan oleh kampusnya. Sangat menganggu fikirannya.

Sejak mula bekerja dari rumah, dan arahan demi arahan yang dipasungkan dalam kepala, dia rasa sangat terseksa. Suasana rumahnya tidak sesuai untuk 'bekerja dari rumah' lantaran banyak gangguan daripada persekitaran yang membantutkan pemikirannya.

Sejak dulu, memang dia tidak betah duduk di rumah jika mahu menyempurnakan tugasan akademia. Terutama kala menyudahkan bacaan tesis mahasiswa, dan menulis artikel untuk jurnal yang dituntut oleh pihak kampusnya. Memang dia rasa tidak selesa.

Sementelahan terjadinya wabak corona. Sangat terganggu emosinya. Berita tentang wabak itu di sini dan di sana. Sebutan 'covid 19' melata-lata. Sehinggakan dia rasa malas untuk membaca akhbar, atau menonton televisyen lantaran 'corona', dan 'covid 19' di setiap ruang, dan di mana-mana.

Satu dunia. Ya, satu dunia mengalami wabak yang sama. Apakan daya. Manusia tidak punya kekuatan untuk melawannya. Kudrat manusia terbatas tentunya.

Ya Allah Ya Quddus, Ya Jabbar, Ya Qahhar, kami hanya hamba-Mu yang lemah, maka Engkau sucikanlah, perkasakanlah dan kuatkanlah kami dalam mengharungi cabaran yang merentang di hadapan mata. *Ya Allah Ya Mujib Ya Raqib Ya Wadud*, kami hanya hamba-Mu yang tidak berupaya, maka Engkau perkenankan doa, berikan pengawasan dan limpahkan kecintaan kepada kami dalam melayari dugaan yang hadir tanpa dijangka.

Tuhan, ampuni dia!

KPI SCOPUS

Dia tidak keruan sejak seminggu setelah adik iparnya menghubungi. Ibu kepada suaminya sudah tidak berupaya untuk bangun sendiri. Semuanya perlu dilakukan oleh anak-anak yang ada di sisi. Opah kepada lima anak-anak itu sudah tidak mampu untuk menelan makanan yang terhidang di terataknya yang sepi. Semuanya perlu disuap oleh cucu-cucu yang bersiap siaga membantunya kini.

Maha Kaya Tuhan atas apa yang terjadi. Wanita yang kehilangan suami sejak 10 tahun itu sebenarnya perempuan kendiri. Tekun dan gigih dalam apa sahaja aktiviti. Kematian suami tidak sesekali menjadikannya patah hati. Semangat luar biasanya mengharungi sunyi seringkali menjadi kekuatan untuk diri. Emak terbaik, dan opah terbaik sering dilaungkan dalam hati.

KPI Scopus, dia sedang kelibut menyempurnakan beberapa artikel untuk dimuatkan dalam penerbitan yang tergendala. Terjemahan bahasa Inggerisnya juga tersangkak entah ke mana. Anak saudaranya yang tinggal di Seremban yang mengambil bachelor program bahasa Inggeris diminta untuk membantunya.

Mohoñ terjemahkan artikel Mak Lang ya, itu pintanya. Mohon diterjemahkan sesegeranya. Mak Lang akan upah atas titik peluh yang dikerjakannya. Ya, di musim Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat ini, banyak kerja tergendala menuntut kesabaran berganda.

Hasrat hati mahu menziarahi ibu kepada suami tercinta tersekat serta merta. Tidak boleh rentas negeri kecuali ada kes kecemasan yang diperlukan untuk menyelesaikannya.

KPI Scopus, tahukah kalian tentangnya? Kami terpaksa bersengkang mata untuknya. Kami terpaksa berkorban masa dan tenaga. Memikirkan tajuk untuk dimuatkan ke dalam jurnal yang diiktiraf sebagai 'Scopus' antarabangsa. Di tanah air, adakah jurnal yang diberikan pengiktirafan sebagai 'Scopus', dan dimuatkan artikel untuknya? Pelajar siswazah yang diselianya wajib menembusi jurnal Scopus peringkat dunia.

Taraf Scopus yang terbahagi kepada empat hirearki tingginya. Dipanggil sebagai Scopus bertaraf Q1-Q4, meletakkan kualiti jurnal kononnya. Tetapi pabila dia menyelak-nyelak artikel yang tersiar dalam jurnal status Q1-Q4, dia tidak menemukan kelayakan perbezaannya. Dia meneliti beberapa bacaan daripada sumber Wikipedia. Bagaimana nanti jika ditanya oleh mahasiswa 'apakah makna scopus', pasti dia boleh menjawabnya dengan lancar, terang dan bergaya.

Tuhan, ini ilmu dunia. Banyak yang dia tidak tahu sebenarnya. Bagaimana pula dengan ilmu ukhrawi, tentu banyak yang dia belum hadam sesungguhnya.

Ya Mukmin Ya Muhaimin Ya Mutakabbir Ya Ghaffar Ya Qahhar Ya Razzaq Ya Fattah Ya Basith Ya Hakkam Ya Latiff Ya Khobir Ya Syakur, tidak terhitung noda. Tidak terhitung khilaf yang telah dilakukan setiap hamba. Lemah sungguh dirinya. Lelah sungguh dirinya. Lemah dan lelah mengharungi cabaran dan dugaan yang silih datang, dan kembali semula.

Dia membenarkan kata-kata ini barangkali: "Dunia makin dicari, makin tidak terkejar rasanya. Tapi akhirat, makin dicari, makin dekat kita dengan Maha Pencipta." Dia insaf tiba-tiba.

Tuhan, maafkan dia!

KPI WOS

Dinihari itu, dia bangun dari lena tanpa bunyi suara daripada telefon bimbit yang mengejutkannya. Secara lazimnya, dia akan tersedar daripada tidur yang panjang kala suara merdu daripada telefon bimbitnya yang mengingatkannya banyak perkara.

Deretan senarai yang harus disegerakan terbayang di mata. Dia sudah membayangkan perancangan yang berselirat dalam kepala. Satu persatu perancangan yang tertulis di atas kertas terpampang hadapan mata.

Artikel 'A' akan disegerakan penulisannya. Artikel 'B' akan disemak secepat mungkin untuk dihantar kepada penerbit yang telah dihubunginya. Artikel 'C' akan ditelaah kembali setelah dirapikan oleh anak didiknya.

Pelajar penyeliaannya seramai 10 orang, mana mungkin kesemuanya tidak dapat menyumbang bakti untuknya? Bukankah syarat bergraduat sekarang mengkehendaki pelajar siswazah menerbitkan artikel di jurnal berwasit, dan diiktiraf dunia, dengan bayaran sekian rupa.

Mereka kini bertungkus lumus menulis dengan nyala semangat bara. Pun, bayaran untuk sebuah jurnal bagaimana? Kami tidak mampu untuk melunasinya, pernah soalan itu diajukan dengan kesal menyelubungi wajahnya.

Usah bimbang, para pensyarah akan berusaha membantu kalian dengan kudrat yang ada. Ya, menabur wang dengan jumlah yang besar hanya untuk sebuah penerbitan jurnal bukan kepalang kerja. Menabur wang untuk sebuah penerbitan jurnal hanya untuk memenuhi KPI diri bukan harga sebuah maruah yang terbela.

Menabur wang hanya untuk sebuah penerbitan jurnal hanya untuk memenuhi KPI universiti menuntut keupayaan dan kemampuan yang luar biasa sebagai manusia.

KPI WOS, tahukah kalian semua? Kami terpaksa berkorban masa, dan tenaga. Kami terpaksa berkorban segala. Kami berlumba-lumba. Kami menggapai bulan dan bintang yang tinggi nun jauh di angkasa. Hendak menembusi sebuah penerbitan yang diagung dunia. Harus membayar dengan harga yang tinggi jumlahnya.

Harus melabur dengan wang yang tidak kurang banyaknya. Demi sebuah cita-cita. Demi sebuah KPI yang tinggi harakatnya. Demi sebuah arahan yang luar biasa. Bukankah ini menggadai sebuah ketamadunan ilmu yang tiada tara?

Teringat dulu kala dia menuntut di kampus Lembah Pantai, seseorang sarjana itu terkenal kerana penghasilan buku-buku ilmiahnya. Deretan buku-buku ilmiah mereka terpamer di rak buku sama ada di perpustakaan atau di kedai buku dengan bangganya.

Buku-buku tersebut pula sampai kepada lapisan khalayak pembaca. Malahan masyarakat awam pula dapat menikmati bahan bacaannya untuk seisi keluarga.

Gemulah ayahanda dulu pun pencinta buku-buku, maka banyak buku sarjana kampus yang telah menjadi koleksinya. Maka, dia mengenali nama sarjana di kampus Lembah Pantai sebelum diterima menjadi mahasiswa. Nama-nama sarjana itu cukup terkenal lantaran banyaknya buku ilmiah yang telah dihasilkannya untuk bacaan semua.

Bukankah '*university for society*', maka inilah sepatutnya diaplikasikan pentadbir kampus untuk warganya. Usah jadi seperti 'syok sendiri' lantaran tulisan para sarjana hanya dibaca oleh golongan tertentu sahaja.

Lebih malang lagi tulisan para sarjana tidak sampai kepada sasaran pembaca khususnya masyarakat awam di luar sana.

Ya, ilmu bukan untuk dagangan, dan kuasa. Ilmu bukan untuk kehodohan rupa dan kebodohan bicara. Ilmu merupakan proses untuk perkongsian, dan penyampaian sesama manusia. Bukan digunakan sesuka hati malah dengan rakusnya menjadikan ilmu dengan nilaian wang sebagai ukuran pencapaiannya.

Bagi yang memilik wang yang banyak, walau mutu penulisan tidak seberapa, maka bayar sahaja untuk penerbitannya. Walhal sepatutnya hasil penulis akan dibayar oleh penerbit kerana mutunya.

Dia sebenarnya memang tidak bersetuju sejak dahulu lagi tentang penilaian sebegitu rupa. Hitungan dan pengirannya pula tidak sama antara satu jurnal dengan jurnal lainnya yang membuatkan dia rimas dan muak mengharunginya.

Lagipun artikel yang berstatus jurnal WOS banyak melibatkan bidang sains tulen, perubatan dan kejuruteraan sahaja. Bagi dia yang hanya bergelumang dalam bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan, sepatutnya WOS bukanlah keutamaan namun sebaliknya.

Itulah yang membuatkan dia ralat, dan kecewa. Mengapa mahu disamatara? Sepatutnya penilaian antara bidang berbeza. Tuhan, apakah permainan dunia, dan seisinya? Tidak mengapa. Kita hanya mengikut arahan yang diperintahkannya. Tiada daya sebagai seorang hamba. Suara itu yang selalu membujuk-bujuk diri, dan mengajak-ngajak hati tenang jua.

Allah Ya Salam Ya Mukmin Ya Muhaimin Ya Aziz Ya Bari' Ya Musawwir Ya Wahhab Ya Razzaq Ya Fattah Ya Alim, mohon berikan kami sejalur cahaya. Rabb, dakap kami dengan wanigan cinta.

Tuhan, ampuni dia!

KPI ERA

Matanya tidak boleh katup walaupun sepicing. Dia menahan kantuk sejak dinihari, dan membawa kepada subuh bening. Fikirannya hanya tertumpu

Lihat Muka 37

Dari Muka 36

kepada artikel dalam jurnal yang harus disempurnakan. Sudah berulang kali arahan daripada pihak pentadbiran datang. Setiap ahli akademia harus menembusi jurnal yang diiktiraf dunia tanpa sebarang alasan.

Setiap ahli akademia perlu menempatkan diri dalam kelompok KPI ERA walau apapun cabaran. Sementelah sekarang 'bekerja dari rumah', tentu hasilnya lagi lumayan. Banyak masa dapat dimanfaatkan oleh setiap sarjana untuk membaca, menulis dan menghantar artikel kepada jurnal yang berstatus 'ERA', begitu bukan?

ERA, apakah maksudnya singkatan nama ini? Tahukah para sarjana tentang ERA yang dijulang dan diagung saban hari? ERA yang dituntut oleh setiap warga kampus supaya bertungkus-lumus dalam menyempurnakan tulisan ilmiahnya tanpa rasa ihsani.

Bagaimana seorang ibu yang memiliki lima atau enam anak kecil di musim wabak corona ini bergelut dengan konflik antara mereka yang sering berkelahi?

Bagaimana seorang ibu yang harus menyediakan sarapan pagi, makan tengah hari dan minum petang di kala kesemua anak-anak berkumpul di rumah atas arahan pemerintah negara dan negeri?

Bagaimana seorang ibu yang menahan amarah dengan sikap anak-anak yang berebut gajet, untuk meninjau kerja sekolah yang diarahkan para guru saban hari tanpa masa dipeduli? Untuk tempoh seminggu Perintah

Kawalan Pergerakan, bil elektrik melambung tinggi. Untuk tempoh sebulan Perintah Kawalan Pergerakan, stok beras, gandum, susu dan gula silih berganti. Kesemua anak-anak berada dalam keadaan selamat di rumah, memang rasa syukur dan tenang sekali. Pun, kerenah dan ragam mereka membuatkan para ibu menahan geram dalam diri.

Rabb, ampuni kami. Tidak sempat membelek bahan bacaan yang berkualiti. Apatah lagi untuk menelaah tentang ERA yang menjadi medan prioriti. Banyak masa dihabiskan dengan menguruskan hal ehwal rumah tangga khususnya tumpuan terhadap anak-anak yang sedang membesar, dan keletah yang diuji.

Bukankah selama ini kami telah melakukan kerja dari rumah dengan membawa balik timbunan tesis mahasiswa tanpa peduli hujung minggu bersama-sama ahli keluarga sendiri? Bukankah selama ini kami terlah bersengkang mata menahan kantuk membaca tugasan mahasiswa sehingga dinihari? Bukankah selama ini kami berhempas pulas menanda kertas jawaban peperiksaan tanpa mengenal waktu malam dan siang hari?

Allah Ya Qawi Ya Muhyi Ya Muhsi, mohon kuatkan, hidupkan dan hitungkan segala rencana kisah perjalanan kami dengan kasih-sayang-Mu tanpa henti. Kami hanya hamba-Mu yang kerdil cuma, kekadang tidak mampu menguruskan banyak perkara lantaran kudrat kami yang terbatas, dan kemampuan kami yang seringkali teruji. Kami hanya hamba-Mu yang kerdil cuma, yang hanya mengharap belas ihsan-Mu saban masa tanpa henti.

Tuhan, maafkan kami!

Pengiraan KPI: SCOPUS, WOS, ERA

Hujung tahun, pasti akan dihitung KPI. Apakah yang dinamakan KPI? Sejak dulu lagi, maknanya tidak berubah, iaitu '*Key Performance Index*', atau dalam bahasa ibunda bermaksud 'Indeks Petunjuk Prestasi'. Namun, sejak dulu juga dia gemar menjadikan maksud 'KPI' sebagai 'Kehidupan Penghayatan Islami'. Maksud itu memberikan peringatan kepadanya untuk bermuhasabah saban masa tanpa henti. Urusan duniawi yang tidak pernah selesai. Tetapi bagaimana dengan urusan ukhrawi?

Antara ERA, WOS, Scopus, JCR, dan pembayaran Scopus, JCR, itu yang bertalun-talun menembusi telinganya tanpa henti. Kampusnya mencanang, dan menjulang tulisan warganya yang aktif di sana dan sini. Tetapi bukan untuk penerbitan buku, itu mereka tidak perhati. Walhal dengan buku, adanya pengiraan royalti. Penulis akan diberi imbuhan dan sagu hati.

Berbanding dengan artikel dalam jurnal, pasti duit poket, dan simpanan penulis itu rabak sendiri. Lantaran terpaksa membayar dengan harga ribuan sebuah tulisan dalam jurnal berprestij tinggi. Satu artikel sehingga mencecah puluhan ribu, semuanya sanggup menawarkan diri.

Demi KPI. Menulis pula bukan dalam bahasa ibunda lantaran kedudukan jurnal berprestij tinggi. Terpaksalah dia mengupah penterjemah yang pakar dalam bahasa bukan miliknya untuk memenuhi tuntutan penerbitan yang dhajati.

Mengapa tidak sahaja dalam bentuk bahasa ibunda yang telah digunakan selama 64 tahun lagi? Bukankah negara sudah bebas daripada cengkaman penjajah, tetapi mengapa mahu mengagungkan bahasa itu lagi? Bahasa sendiri?

Ya, bahasa sendiri tidak ada tempat bagi pengurusan tertinggi. Bahasa sendiri terbuang di negara sendiri. Bahasa sendiri tidak dipeduli anak jati.

Tuhan, apakah kehidupan ini? Sudah tidak tahu memilih yang benar, dan harga sebuah maruah, dan diri?

Sudah tiga semester pembelajaran secara maya yang membuatkan dia tertekan sendiri. Corona, cepatlah pergi. Mengapa masih berada di sisi? Apakah khilaf kami? Vaksin telah pun diambil, dan disesuaikan untuk penduduk bumi. Namun, kes kematian masih mencanak tinggi.

Apakah khilaf kami? Allah Ya Bari', Allah Yang Maha Mengatur segala perjalanan hidup ini. Dengan rasa rendah diri, dia memohon kepada Tuhan Yang Maha Mengasihani. Dia menangis sungguh-sungguh kali ini. Tuhan, maafkan kami!

Rabiul Akhir 1443

Menjelang Rabiul Akhir 1443, dia akan meninggalkan ranah kelahiran untuk berhijrah ke suatu destinasi yang mendidik nurani. Entah mengapa sejak seminggu yang lalu pabila dapat pulang ke ranah kelahiran, dia memanjat syukur yang tidak terperi. Dia kembali mengenang kisah silam yang menyentak perasaan bertali. Rumah peninggalan gemulah ayahanda yang tidak berpenghuni.

Pohon anggerik allahyarhamah bonda yang tidak sesiapa peduli. Buah jambu batu, ciku dan ceri yang bergayutan di tepi pagar, ditanam almarhumah nenda begitu mengusik memori. Album kenangan musim kanak-kanak tetiba melayar di mata yang membuatkan air mata merembes tanpa henti. Sebak mengapung dalam dada yang membuatkan sedu sedan mengasak diri.

Kesemua insan yang dicintai telah tiada di sisi. Satu persatu insan yang dikasihi dipanggil pulang bertemu Ilahi. Bermula dengan gemulah ayahanda, diikuti kakak sulung, diekori ibu saudara, nenek saudara, adik bongsu dan anak saudara sendiri. Insaf merajai.

Apapun, dia bersyukur kerana kesemua insan yang dicintai dan dikasihi pergi bukan kerana wabak yang menggilai. Perjalanan pulang mereka masih dalam situasi normal, bukan abnormal sebagaimana situasi hangat yang terjadi.

Angkara wabak, ramai kehilangan insan yang dikasihi. Angkara wabak, banyak air mata yang tumpah dan tercalarnya emosi. Angkara wabak, kepulangan mereka bertemu Yang Maha Pencipta tanpa ahli keluarga menguruskan jenazahnya sendiri.

Angkara wabak, manusia lupa asal usul kejadian diri. Angkara wabak, dia menyaksikan pertelingkahan di sana sini. Tuhan, di mana khilaf kami?

Dia membelek al-Quran terjemahan di sisi. Perlahan-lahan surah Al-Asyr dia baca dan hayati. Demi masa, demi masa manusia dalam kerugian kecuali yang berpesan-pesan dengan kesabaran, dan berpesan-pesan dengan kebenaran yang hakiki.

Matanya berkaca, dan sekali lagi air mata merembes ke pipi. Dia tersihir dengan duniawi.

Dia tersihir dengan arahan yang bukan meletakkan agama pada tahap prioriti. Dia tersihir dengan sanjungan, yang terpingirnya insani. Berulangkali dia baca, dia hayati. Berulangkali dia melantunkan surah Al-Asyr itu sebagai pengukuh hati, merawat segala resah gelisah yang mendatangi.

Adakah dia masih mencari ruang untuk menerbitkan artikel dalam jurnal berprestij tinggi? Air mata merembes laju, dan mengalir bak air terjun yang puncaknya tidak terdaya digapai. Tuhan, maafkan kami. Tuhan, ampuni kami. Tuhan, mohon maaf dan ampuni kami!

Allah Yang Aliy Yang Maha Tinggi, pimpin kami ke destinasi yang diredai!

Sudut puisi

SAAT AKU MENJADI BALU

Telah berpulang
suamiku ke negeri abadi
meninggalkan selaut kenangan
sebekas air mata tawar dituang
buih simpati melengkung di muka
meruap di wajahku sedih
seorang balu.

Saat itu
Esak sarat di dada, tangis
pecah di mata
rintihan melekat di bibir kering
lafaz nikah terlerai kaku
kilau cintaku perlahan lesu

Sejak kau pergi,
ada duri menjalar di kerongkongku
menikam tembusnya
hingga ke jantung
darah bukan lagi berwarna merah
denyut nadi tidak lagi
kencang berlari
semuanya mati dibalut kafanmu.

FARIDAH IDA RASUL
Bandar Enstek

PENJARA DUKA

Penjara itu
di bawah langit terbuka
tertanam jutaan batu
nisan peringatan
tinggalan kerakusan berzaman.

Dalam gulungan
sejarah yang panjang
seluruh umatnya berjuang
antara hidup dan mati
apa yang tidak mampu
dicapai mereka
akan dikota anak cucu
itu janji mereka.

Penjara itu penjara duka
umat Palestin
pintu kezaliman
semakin ampuh dibina
diroboh dinding
kesepakatan yang rapuh
suara damai sayup mendesir
pudar dakwat di kertas perjanjian.

MOHD SALLEH OSMAN
Presint 16, Putrajaya

RACUN

Asap berbau cengkih memanjat
dinding kamar. Menghalang selesa
penciuman. Atau bergumpal
di tengah udara murni.

Aku melompat dari ruang mimpi.
menghalang berlama-lama
mengusap igau, melihat
seorang pencandu
memberatkan sepotong racun
di bibir lebamnya.

"keparat kau!"
aku menjerit. Tetapi hanya
gumam dengan rasa kasihan.

Kerana kecanduan itu adalah
racun yang membunuh.
Diam dan perlahan.

Ketika seorang pecandu
memperagakan aksi.
Di depan orang-orang suci.
Di ruang awam atau trotoar.

Dan menafikan racun yang
mengorek daerah
paru-paru. Miliknya

MARSLI N.O

ALPA

Lewat hari
tangisan ditinggal ke belakang
kutahu, dayung tak lagi diperlukan
untuk kau ke seberang

Setiba pagi
perahumu sibuk mengikat diri
dengan air mata
di pelabuhan sesal

LIM WEI WEN